

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

KKM perlu dana lebih besar tingkat keupayaan

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) memerlukan dana lebih besar bagi meningkatkan keupayaannya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata peruntukan itu penting untuk memperkuuh kesihatan awam negara ini.

"Ini untuk memberikan akses dengan lebih baik dan meningkatkan kualiti jagaan kesihatan kawasan pedalaman dan bandar," katanya semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sistem kesihatan negara boleh menjadi lebih baik sekiranya diberi dana tambahan dan tenaga kerja yang mencukupi.

"Kita akan memperoleh hasil yang baik, berimpak tinggi dengan kos yang berpatutan," katanya.

Sebelum ini, Malaysia menduduki ranking pertama bagi kategori kesihatan terbaik dalam kategori Dunia Indeks Persaraan Global Tahunan 2019.

Bagaimanapun, negara kini di kedudukan keempat bersama Mexico, selepas ranking terbaru dikeluarkan awal bulan ini.

* Menurut laman web International Living (LI), Malaysia berada di kedudukan negara ke-15 paling baik untuk persaraan dan antara enam negara teratas mendapat penilaian terbaik dalam kategori kesihatan terbaik di dunia pada tahun ini.

Penularan COVID-19

Negara hilang RM30 bilion jika sekat pelancong China

Kementerian Pelancongan gesa kerajaan tak amal diskriminasi

Dileh Suraya Ali dan Friad Nizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia akan kehilangan hasil pelancongan hampir RM30 bilion tahun ini, jika melaksanakan diskriminasi terhadap pelancong China.

Menyatakan demikian, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing, berkata lebih 90 peratus rakyat negara itu sudah menerima vaksin COVID-19 dan negara lain seperti Thailand, Indonesia dan Kemboja tidak memperketat kesmasukan pengembara dari China.

Beliau berkata, kementerian itu menjangka kehadiran kira-kira enam juta pelancong China tahun ini, berbanding tiga juta pada 2019, yang menjana hasil RM15.3 bilion pada tahun berkenaan.

Katanya, beliau tidak faham hanya China dianggap negara berisiko tinggi, sedangkan ba-

nyak lagi negara lain mencatat jumlah jangkitan dan kematian akibat COVID-19 yang tinggi.

King Sing berkata, tiada sebarang tekanan dikenakan seperiti syarat lebih ketat kepada pelancong dari Amerika Syarikat (AS) yang mencatat 99 juta jangkitan dan 1.08 juta kematian akibat COVID-19.

China pula, katanya, mencatat 31,000 kematian dengan 10.16 juta kes yang direkodkan.

Pada masa sama, katanya, Malaysia turut menerima kehadiran pelancong dari AS, Jepun, Korea dan Perancis, iaitu negara yang merekodkan jumlah jangkitan yang tinggi, namun mereka tidak dikenakan diskriminasi.

"Jika mengambil kira penduduk China seramai 1.4 bilion, kadar kematian akibat COVID-19 hanya 0.002 peratus.

"Kesangkitan COVID-19 di Malaysia pula 5.02 juta dengan 36,824 kematian, iaitu 0.7 peratus.

"Nisbah pesakit yang dijangkiti di Malaysia 14.8 peratus. Kita mencatat separuh daripada kadar jangkitan China," katanya.

Sementara itu, Persatuan Pe-



Tiong King Sing

lancongan Domestik Malaysia (MITA) berpendapat kerajaan negeri tidak wajar memperketat prosedur operasi standard (SOP) kemasukan di pintu antarabangsa untuk pengembala dari negara tertentu saja.

Presidennya, Uzaidi udanis, berkata penyebaran penyakit boleh berlaku dari mana-mana negara atau wilayah kerana perjalanan udara sangat banyak dan bersambung-sambung di antara lapangan terbang.

Horangi SOP Sabah

Beliau berkata, dengan musim cuti Tahun Baru Cina tidak lama lagi, penduduk Malaysia juga meningkatkan risiko penyebaran penyakit kerana mereka akan ke luar negara dan kembali semua beberapa hari kemudian, menrusi penerbangan dari pelbagai rantaun.

"MITA menghormati SOP yang dikenakan kerajaan Sabah, namun virus COVID-19 ini tersebar merata dan kita tidak menyalahkan mana-mana negara," kata-nya semalam.

Sementara itu, pakar dari Ins-

titut Sains Biologi, Universiti Malaysia, Dr Muhamad Afiq Aziz pula berkata, kawalan penyebaran penyakit boleh dilakukan menerusi pemakaian pelitup muka, manakala pengambilan pelalian dos penggalak kedua juga penting untuk mengurangkan kesan COVID-19.

Katanya, suntikan penggalak kedua amat berguna kerana terdapat lebih banyak varian COVID-19 dan orang ramai boleh mendapatkan nasihat doktor untuk menentukan jenis vaksin yang sesuai.

Beliau berkata, SOP yang se ragam di seluruh negara juga kaedah yang baik tetapi setiap negeri boleh menetapkan SOP berdasarkan keperluan mereka.

Dr Muhammad Afiq berkata, tiada tindakan yang boleh dikatakan keterlalu dalam soal kawalan keselamatan daripada penyakit berjangkit.

Beliau mengambil contoh SOP pemakaian pelitup muka untuk kumpulan tertentu di Selangor dan Perlis, dan menyatakan itu amalan yang baik, terutama ketika mengendalikan makanan.

"Kita tahu COVID-19 paling kerap disebar oleh titisan rembesan pernafasan yang dihasilkan apabila orang bercakap, bersin dan batuk," katanya.

'Pengembara perlu lengkap pelalian, negatif COVID-19'

Kuala Lumpur: Kerajaan Sabah menetapkan semua pengembara dari China perlu lengkap pelalian dan menunjukkan keputusan negatif ujian COVID-19 yang dibuat, sebelum berlepas dari negara berkenaan.

Jurucakap perkembangan harian COVID-19 Sabah, Datuk Masidi Manjun, berkata ujian itu sama ada menggunakan kaedah RT-PCR atau RTK Ag Professional perlu dibuat dalam tempoh 48 jam, sebelum berlepas.

Katanya, prosedur itu dikuat kuasa mulai Ahad ini dalam usaha mengekang peningkatan semula kes COVID-19 di negeri itu.

"Ketika ketibaan, semua pengembara dari luar negara dikehendaki untuk menjalani saringan suhu. Pengembara yang dikesan demam akan menjalani pemeriksaan lanjut."

"Pengembara yang mempunyai gejala COVID-19 wajib menjalani ujian RTK Antigen. Ke-

tetapan ini berkuat kuasa mulai 8 Januari 2023," katanya kelmarin.

Masidi yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri berkata, langkah pengurusan pengembara dari luar negara itu diputuskan pada mesyuarat Kabinet negeri Sabah, kelmarin.

Prosedur mudah lancar

Sementara itu, tinjauan di Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) mendapati pelancong luar negara menyifatkan proses ketibaan di negara ini masih mudah dan lancar.

Mereka hanya melalui prosedur biasa sebaik keluar dari pesawat, sebelum pemeriksaan dokument di kaunter Imigresen.

Pelancong Filipina, Petrus Poling, 38, berkata selepas pesawat mendarat, penumpang dibawa ke terminal untuk pemeriksaan ketibaan di kaunter Imigresen.


"Sebelum tiba ke kaunter, ada pengimbang suhu. Penumpang hanya berbaris di kaunter untuk pengesahan kemasukan. Tiada pemeriksaan secara terperinci seperti perlu menunjukkan sijil vaksin."

"Selepas selesai urusan kemasukan, saya mengambil bagasi dan menunggu perkhidmatan teksi. Secara ringkas, proses kemasukan mudah dan tiada masalah," katanya yang tiba dari Manila.

Pelancong Australia yang hanya mahu dikenali sebagai Michelle, 23, berkata beliau hanya menunggu proses biasa.

"Barberas di kaunter Imigresen, pasport dan dokumen disahkan dan kemudian dibenarkan meneruskan perjalanan. Itu sahaja," katanya.

Rakyat Malaysia yang baru pulang mengerjakan umrah, Azmi Mukhsan, 53, dari Shah Alam pula berkata, dia juga melalui



Pelancong yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

proses biasa sebaik tiba ke tanah air.

"Prosedur biasa sahaja sebaik tiba, hanya cop pasport dan se-

lesai. Tiada pemeriksaan ketat. Tiada pegawai yang mengambil suhu atau periksa sijil vaksin," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

Oleh Rohaniza Idris
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Saringan ringan khusus kepada pengembara warga China perlu dilaksanakan berikutan keterangan kumpulan itu ke negara ini dalam jumlah besar berbanding negara lain.

Pakar Perubatan Kesihatan Masyarakat dan Ekonomi Kesihatan, Fakulti Perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata langkah itu perlu bagi mengelakkan kemasukan varian yang belum pernah ditemui dan seterusnya boleh memudaratkan negara.

"Kemungkinan untuk varian baru masuk ke dalam negara adalah tinggi, tambahan pula kita menghampiri musim perayaan (Tahun Baru Cina), jadi susah untuk kita mengawal pergerakan."

"Jadi, kita bimbang kehadiran pelancang dari China ini berbanding negara lain ke sini jika mereka membawa kes itu ke Malaysia bersama varian baharu yang kita tidak kenal pasti lagi."

"Jumlah pelancang Amerika Syarikat tidak seramai kemasukan pengembara dari China, jadi kita kena lebih berhati-hati dengan kumpulan ini," katanya.

Beliau mengulas keputusan kerajaan mengambil langkah kawalan lebih ketat kemasukan pengembara asing ke Malaysia tanpa menjuruskannya kepada mana-mana negara, termasuk yang mempunyai kadar kes



MALAYSIA tidak mendiskriminasi mana-mana negara dalam menjalankan pemeriksaan Covid-19 terhadap pelancong yang tiba di negara ini namun mahu memastikan kesihatan rakyat adalah keutamaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. Beliau berkata kawalan di pintu masuk negara oleh Jabatan Imigresen juga diperketatkan bagi memantau kemasukan rakyat asing ke Malaysia.

PAKAR SYOR SARINGAN RINGAN KE ATAS PELAWAT CHINA

Risau varian 'pelik'

Covid-19 yang tinggi seperti China dan Amerika Syarikat (AS).

Mengumumkan perkara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, masalah kesihatan rakyat adalah perkara paling utama begitu juga soal pelancongan serta pertumbuhan ekonomi sekali gus tidak boleh mengatasi kepentingan mengawal dan merawat rakyat daripada segi wabak

serta jangkitan termasuk Covid-19.

Perdana Menteri turut memaklumka, tahan lalu juhul pelawat dari China adalah seramai 336,000 orang dan majoritinya ialah pelancong dan pada Disember lalu, jumlah pelawat dari negara itu adalah seramai 53,000 orang.

Dr Sharifa Ezat bagaimanapun menggalaukan keputusan kawalan ketat di

pintu masuk membabitkan pengembara asing dan ketegasan kerajaan dalam soal kesihatan dan kesejahteraan rakyat berbanding soal pelancongan serta pertumbuhan ekonomi.

Katanya, dalam hal ini, keselamatan dan perlindungan rakyat lebih penting.

"Kita masih tidak tahu mengenai varian baharu.. mungkin ada varian yang lebih pelik sifatnya dan mung-

kin mudah menjangkiti seterusnya menyebabkan pertambahan kes kemasukan ke wad dan kes kematian."

"Kita memang maklum kes akan meningkat, tetapi kes dalam negara kini terkawal maka kita tidak mahu varian baharu itu nanti menyebabkan bebanan kes di wad hospital dan lebih membimbangkan bertambahnya jumlah kematian," katanya.

Pertimbang wajibkan pelitup muka

Seremoni: Kerajaan Negeri Sembilan mempertimbang untuk mewajibkan semula pemakaian pelitup muka terutama di kawasan tertutup sekiranya kes Covid-19 di negeri itu menunjukkan peningkatan mendadak.

Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun berkata ia sebagai langkah pencegahan awal supaya perkara lebih buruk tidak berlaku namun ketika ini, kes Covid-19 di negeri itu masih dalam keadaan terkawal.

"Tempat yang kita wajibkan mungkin di jabatan kerajaan dan sekolah tetapi itu kalau kes naik mendadak.. keadaan sekarang masih terkawal dan kita antara negeri terendah kes Covid-19," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Negeri Sembilan Command Center (NeSCOM) di sini.

Bagaimanapun, beliau berkata kerajaan negeri akan mewajibkan pemakaian pelitup muka semasa

sambutan Hari Keputeraan ke-75 Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir pada 14 Januari ini yang dijadual berlangsung di Istana Seri Menanti, Kuala Pilah.

Aminuddin berkata dalam pertemuannya dengan Tuanku Muhriz, baginda turut mencadangkan supaya pemakaian pelitup muka dijalankan dalam program yang membabitkan kehadiran ramai di negeri itu.

Pengembara perlu lengkap vaksin

Kota Kinabalu: Kerajaan negeri Sabah menetapkan pengembara yang berlepas dari China perlu lengkap vaksinasi Covid-19 mengikut kriteria negara asal masing-masing sebelum masuki negeri ini, berkata kuasa 8 Januari.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Datuk Seri Masidi Manjun berkata pengembara berkenaan juga perlu menunjukkan ujian Covid-19 (RT-PCR atau RTK Ag Professional)

dengan keputusan negatif dalam tempoh 48 jam sebelum berlepas.

"Perkara itu diputuskan Jemaah Menteri Negeri Sabah yang bermesyuarat hari ini," kata jurucakap Covid-19 kerajaan Sabah itu menurusi satu kenyataan.

Masidi berkata kerajaan negeri juga menetapkan semua pengembara dari luar negara yang tiba di Sabah dikehendaki menjalani saringan suhu dan pengembara dikesan mempunyai

IATA gesa ikut nasihat WHO tak laksana sekatan

Kuala Lumpur: Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) menggesa kerajaan mendengar saranan pakar termasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) supaya tidak melaksanakan sekatan perjalanan.

Ketua Pengarahnya Willie Walsh berkata beberapa negara memperkenalkan ujian Covid-19 serta pendekatan lain kepada pengembara China meskipun virus itu merebak luas di sempadan negara masing-masing.

"Tidak wajar melihat langkah spontan ini kembali dilaksanakan yang ternyata tidak berkesan sejak tiga tahun lalu."

"Kerajaan perlu membuat keputusan berpaduan 'fakta sains' berbanding 'politik' sains," katanya.

Walsh berkata penyelidikan dijalankan semasa ketibaan varian Omicron mendapati pelaksanaan sekatan dari segi perjalanan tidak memberi perbezaan ketara terhadap penularan tempon puncak jangkitan.

"Menurutnya, sekatan perjalanan hanya melewati tempoh puncak selama beberapa hari, dan sekiranya varian baharu menular di mana-mana negara di dunia, keadaan yang serupa dijangka berlaku."

Simptom demam akan menjalani pemeriksaan lanjut.

"Pengembara yang mempunyai gejala Covid-19 wajib menjalani ujian RTK Antigen Covid-19," katanya.

Sementara itu, beliau berkata sebanyak 12 kes COVID-19 dilaporkan di Sabah kelmarin manakala 138 pesakit masih menerima rawatan dengan 10 daripadanya memerlukan penjagaan kritis dan 23 pesakit sudah pulih.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : LOKAL

Kes demam denggi 2022 naik 150.7%

Kuala Lumpur: Jumlah kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sepanjang 2022 mencatatkan peningkatan sebanyak 150.7 peratus atau 39,737 kepada 66,102 kes berbanding 26,365 pada 2021.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham berkata, jumlah kumulatif kematian akibat komplikasi denggi yang dilaporkan pada 2022 pula ialah 56 berbanding 20 bagi tempoh sama pada 2021 iaitu peningkatan 36 kematian atau 180 peratus.

"Peningkatan kes dan kematian akibat denggi ketika ini perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. Membanteras denggi tanggungjawab semua," menurutnya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, tindakan pencegahan diperlukan bagi memastikan kejadian demam denggi dapat diatasi dan semburan racun serangga tidak akan menyelesaikan masalah jika tempat pembiakan nyamuk aedes tidak dihapuskan.

Dr Noor Hisham berkata, faktor yang menyebabkan peningkatan kes ialah pergerakan manusia apabila semua sektor dibuka sepenuhnya selepas pandemik Covid-19 menjadikan lebih mudah menyebarkan virus denggi.

Katanya, pesakit denggi tidak bergejala yang melawat ke tempat baharu boleh menyebarkan virus apabila digigit nyamuk aedes.

Beliau berkata, faktor lain ialah apabila berlaku perubahan serotaip deng-


Peningkatan kes dan kematian akibat denggi ketika ini perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak"

Dr Noor Hisham

gi kepada DEN 4 di kebanyakan negeri menyebabkan peningkatan kes dan kematian serta tabiat segelintir masyarakat yang tidak membuang sampah di tempat pelupusan disediakan turut menyumbang kepada tempat pembiakan aedes.

"Faktor cuaca, suhu serta bencana banjir yang dialami dapat mempengaruhi perkembangan nyamuk dan larva yang menyebabkan populasi Aedes meningkat seterusnya menyebarkan virus denggi," katanya.

Bagi menurunkan kejadian kes dan wabak denggi, Dr Noor Hisham menganjurkan negeri yang dilanda banjir seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis, Perak, Kedah, Sabah dan Sarawak melaksanakan aktiviti pembersihan longgokan sampah serta sisa seminggu selepas air surut untuk mengelak ia menjadi tempat pembiakan Aedes.

Katanya, pihak berkuasa tempatan juga hendaklah memastikan urusan pelupusan sampah berjalan sempurna manakala masyarakat diingatkan menjalankan aktiviti 'cari dan musnah' tempat pembiakan aedes.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 31
RUANGAN : GLOBAL

Awas! Kemunculan XBB.1.5 pula

WHO beri amaran satu lagi subvarian Omicron mudah berjangkit, sudah merebak ke 29 negara

GENEVA

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memberi amaran satu lagi varian baharu Covid-19 yang paling mudah berjangkit telah dikenal pasti.

Subvarian Omicron tersebut dilaporkan telah merebak ke 29 negara dan mencetuskan lonjakan kes di Amerika Syarikat (AS) dan Britain.

Ketua Teknikal Covid-19 di WHO, Dr Maria Van Kerkhove pada Rabu mengesahkan varian XBB.1.5 tersebut adalah paling pantas menular kerana subvarian Omicron tersebut membolehkan virus melekat pada sel, sekali gus mereplikasi dengan mudah.

"Kami bimbang dengan potensi penyebarannya terutama di beberapa negara Eropah dan Amerika Utara. Bahagian timur laut Washington kini menyaksikan XBB.1.5 telah menggantikan varian lain dengan cepat."

"Ia mempunyai 'kelebihan untuk berkembang' berbanding subvarian lain," ujarnya.

Menurutnya, tiada bukti membuktikan varian tersebut mengakibatkan penyakit lebih teruk.

"Tetapi, kita perlu sentiasa berwaspada kerana lebih banyak strain baharu muncul, semakin besar kemungkinan ia akan berubah," jelasnya.

Pada Jumaat lalu, data daripada Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) AS menunjukkan lebih 40 peratus kes Covid-19 di AS kini disebabkan oleh XBB.1.5.

Ketika ini, apa yang membimbangkan WHO adalah prospek XBB.1.5 menjadi 'pintu masuk' kepada varian yang lebih menakutkan.

Hal ini kerana, lebih banyak jangkitan berlaku, lebih banyak peluang virus akan



bermutasi dan berkembang.

Sejak beberapa minggu lalu, kes jangkitan Covid-19 telah kembali meningkat kepada kira-kira 400,000 kes berbanding 300,000 kes, sebulan yang lalu.

Ia dikatakan berpuncak daripada mutasi perayaan dan kemunculan varian baharu lebih mudah berjangkit.

Tetapi, kadar jangkitan didakwa adalah jauh lebih rendah berbanding pada tahun lalu ketika gelombang pertama Omicron merekodkan empat juta kes mingguan.

Ketika ini, varian XBB juga mencetuskan peningkatan kes di beberapa bahagian di Asia termasuk Singapura.

Amaran tentang XBB.1.5 itu dikeluaran ketika China didakwa tidak memberikan gambaran tepat tentang situasi Covid-19 di negara tersebut yang berdepan gelombang jangkitan luar biasa daripada subvarian BF.7.

Elak imuniti

Profesor Wendy Barclay dari Imperial College London memaklumkan XBB.1.5

mempunyai mutasi dikenal sebagai F486P yang berupaya mengikat sel untuk mengelakkan imuniti.

"Hal itu menjadikan ia lebih mudah merebak. Perubahan evolusi ini seperti 'batu loncatan' memandangkan virus itu berkembang dan pantas mencari cara baru untuk memintas mekanisme pertahanan diri tubuh individu."

"Saya menjangkakan jumlah kesmasukan ke hospital akan meningkat jika XBB.1.5 terus menular di Britain," katanya.

Tambahnya lagi, beliau bimbang dengan impak subvarian baharu itu terhadap golongan berisiko tinggi termasuk individu yang mempunyai sistem imun yang lemah dan kurang mendapat manfaat daripada suntikan vaksin Covid-19.

Sementara itu, Profesor Paul Hunter dari University of East Anglia memberitahu, tiada bukti menunjukkan XBB.1.5 adalah 'lebih ganas' dan akan menyebabkan kematian paling tinggi berbanding varian Omicron sedia ada.

"Adalah ironik ketika semua pihak

Info

- XBB.1.5 yang berkembang daripada XBB dikatakan sama seperti strain asal Omicron. XBB.1.5 mempunyai mutasi dikenal sebagai F486P yang berupaya mengikat sel untuk mengelakkan imuniti.
- Subvarian itu mewakili kira-kira 70 peratus daripada kes jangkitan baharu di timur laut Washington dan empat daripada 10 kes di seluruh negara.
- Sejak beberapa minggu lalu, jumlah kemasukan pesakit ke hospital di seluruh AS dilaporkan telah meningkat.
- Pada awal Disember lalu, XBB.1.5 hanya menyumbang empat peratus daripada kes direkodkan di AS.
- Ia memperoleh 14 mutasi baharu pada protein lonjakan berbanding strain asal yang telah meningkatkan rintangan antibodi. Ini bermaka individu yang sudah divaksin atau pernah dijangkiti adalah lebih mudah terdedah kepada jangkitan walaupun tidak semestinya mengalami penyakit yang teruk.
- Agensi Keselamatan Kesihatan Britain (UKHSA) dijangka mengeluarkan laporan tentang XBB.1.5 yang sedang menular di negara itu pada minggu depan.

memberi tumpuan kepada varian BF.7 yang muncul di China, namun XBB.1.5 pun sedang mencetuskan lonjakan kes di AS," ujarnya.

Profesor David Heymann dari London School of Hygiene and Tropical Medicine bagaimanapun berpendapat masih banyak yang perlu dikaji tentang varian baharu tersebut.

"Ia mungkin tidak mendatangkan masalah kepada negara yang mempunyai kadar vaksinasi tinggi seperti Britain. Kita perlu bimbang dengan negara seperti China memandangkan ia mencatatkan kadar imuniti yang rendah berikut pelaksanaan lockdown dalam tempoh yang lama."

"Beijing perlu berkongsi maklumat klinikal tentang individu yang dijangkiti untuk melihat bagaimana tingkah laku varian itu terhadap populasi tidak imun," jelasnya. - Agensi



Subvarian itu mewakili kira-kira 70 peratus daripada kes jangkitan baharu di timur laut Washington.



Jumlah kemasukan pesakit ke hospital di AS dilaporkan meningkat sejak beberapa minggu lalu.

AKHBAR : THE STAR**MUKA SURAT : 14****RUANGAN : NATION**

Group: Private hospitals already have their hands full

PETALING JAYA: Private hospitals in major cities have their hands full treating non-Covid-19 patients, which raises concern if Covid-19 cases continue to increase, says Association of Private Hospitals Malaysia (APHM) president Datuk Dr Kuljit Singh.

Currently, he said, patients admitted at private hospitals might have

to wait a whole day in order to get a bed.

"We don't have many Covid-19 patients right now, some hospitals may only have single digits, and we hardly have patients who are critical or in ICU because of Covid-19 but we are full of non-Covid-19 patients."

In most private hospitals, the waiting period to get a bed can be

six to eight hours if you are lucky; if not, it can be up to a day.

"This is not a question of cost, these patients can afford healthcare, but we cannot cope, so we are afraid that if we get into a pandemic (situation), it is going to be very difficult for us," he said when contacted.

Dr Kuljit said apart from the lack of space and beds, they were also

dealing with a shortage of nurses.

"We are not able to open up more beds because we are experiencing a lack of nurses nationwide, so we hope the government will allow private hospitals to get nurses from overseas as many countries do for both specialised and non-specialised nurses."

"There are nurses from other

parts of the world that would like to choose Malaysia to work, but we are only allowed to get post-basic nurses, who are specialised.

"The process of getting them is very rigid, many countries have shortened the process because of its demand," he said, adding that Malaysian nurses were in demand in the Middle East and Singapore.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS



The public should mask up in crowded and poorly ventilated places to prevent being reinfected with different Covid-19 strains.
—SYAZWAN KAMAL/THESUN

Public urged to mask up, use sanitiser

Move would help protect immunocompromised individuals, children and senior citizens, says expert

BY NURIN ABDULLAH
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Health experts are encouraging Malaysians to wear masks in public and use sanitisers often, considering the Covid-19 pandemic continues unabated.

Universiti Malaya Institute of Biological Sciences virologist Dr Muhamad Afiq Aziz said the virus is transmissible through respiratory droplets when people talk, sneeze or cough.

"These droplets will then land on

the mouths and noses of those in their vicinity. Masks reduce viral transmission by 70% when worn correctly."

"Therefore, people should cover their mouths and noses. Sadly, many believe the virus only spreads through the mouth."

Muhamad Afiq urged the public to keep wearing masks as it is among the ways to halt the spread of Covid-19. He believes that masks should be worn at all times in hospitals and nursing homes to protect immunocompromised

patients and visitors.

While conceding that the mandatory wearing of masks may go against personal choice, he said he is glad that despite it being optional, many people are still wearing them in public.

"Malls and crowded places no longer make it mandatory for visitors, including children and senior citizens, to wear masks. This puts them at high risk as their immune system is not strong enough to fight the virus if they get infected," he said, adding that parents should ensure their children wore them because Covid-19 could be fatal.

In 2020, Malaysia recorded the deaths of 39 children, aged between five and 11, from Covid-19. The virus also acts more aggressively when immunocompromised individuals are infected.

Department of Social and Preventive Medicine professor of epidemiology Dr Moy Foong Ming said despite new Covid-19 variants constantly emerging, reported cases did not present more severe symptoms or a higher rate of mortality, adding that face masks have helped tremendously to curb the spread of the virus.

"As the economy opens up further and more travellers enter the country, the likelihood of a surge in Covid-19 cases is becoming more of a possibility. Putting a mask on protects everyone."

She said Covid-19 has shown significant side effects that may last for years after recovery. Many have reported having breathing difficulties and loss of the sense of taste despite recovering from an infection.

She also said the public should be wary of being reinfected with different Covid-19 strains, which could be prevented by wearing masks specifically in crowded, poorly ventilated places.

Moy said airborne respiratory droplets can only be prevented when wearing an N95 mask.

"Surgical and cloth masks may not be able to prevent transmission of the virus, so the public must wear the right one."